

Shukri umum tanding calon Bebas

Masalah dalam PR serta isu GST meyakinkannya raih sokongan daripada pengundi Rompin

■ DIANA SURYA ABD WAHAB

KUANTAN – Merasakan kawasan Parlimen Rompin memerlukan seorang penyelamat kepada agenda politik dua parti besar menjadikan Mohd Shukri Mohd Ramli terpanggil untuk menjadi calon Bebas PRK Parlimen Rompin, 5 Mei depan.

Mohd Shukri berkata, rata-rata pengundi Parlimen Rompin dilihat semakin keliru dengan senario politik yang berlaku di kedua-dua belah pihak sama ada di dalam BN mahupun Pas.

"Kalau pengundi di pihak BN, mereka nyata keliru dengan isu yang berlaku hari ini melibatkan cukai barang dan perkhidmatan (GST), walau-

pun mereka penyokong tetapi mereka keliru, sekejap kena sekejap tak kena.

"Langkah tradisi membela rakyat dan rakyat didahulukan, tetapi bila rakyat mula marah isu harga barang naik gara-gara GST sehingga hari ini ia masih berada di takuk yang sama.

"Memeningkan juga pengundi Pas dan PR dengan adanya isu-isu dalaman parti itu sendiri yang berbalah sesama sendiri seperti hudud, Persatuan Ummah Sejahtera Malaysia (Pasma) dan banyak lagi sehingga merosakkan imej Islamik dan keadilan itu sendiri," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, kehadirannya dalam pencalonan



Shukri mula melawat ke beberapa lokasi termasuk Felda Keratong dalam kawasan Parlimen Rompin.

PRK Parlimen Rompin, Rabu ini adalah untuk menawarkan mereka pilihan ketiga bagi mengelakkan pengundi-peng-

undi tidak keluar mengundi.

"Saya bimbang pengundi akan protes dengan kekeliruan sehingga tidak keluar me-

mandangkan mereka tidak ada calon untuk mereka pilih, saya tampil sebagai pilihan ketiga membolehkan pengundi

BN atau Pas membuat pilihan dan saya adalah penyelamat mereka.

"Andai kata mereka memilih BN, belum tentu masalah GST akan selesai dan jika mereka memilih Pas sama juga masih tidak boleh berbuat apa, tetapi dengan kehadiran saya sebagai calon Bebas segala isu dan suara rakyat akan dinaikkan ke atas," katanya.

Beliau berkata, PRK ini merupakan yang pertama selepas pelaksanaan GST dan ia merupakan satu proses yang begitu getir.

"Jadi ia akan menjadi satu medan perjuangan saya untuk bangkit membela apa yang dibenci oleh rakyat terutama dalam golongan marhaen," katanya.